

06 SEP 2002

MAHA-Pameran

MAHA 2002 MAMPU TARIK MINAT PETANI GUNA PERALATAN MODEN

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan 2002 (MAHA 2002) Oktober ini diharap mampu memupuk minat peladang, penternak dan nelayan menggunakan peralatan pertanian berteknologi tinggi.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Datuk Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor berkata pameran MAHA 2002 yang berlangsung selama enam hari mulai 1 Okt itu, adalah bertepatan dengan strategi utama kementerian mengubah peladang, penternak dan nelayan tradisional.

Pameran itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya pada sidang media di kementerian itu hari ini.

Katanya, pameran itu juga akan menjadi landasan bagi mencapai matlamat melaksanakan pelbagai program pemindahan teknologi kepada kumpulan sasaran dan mampu menggembelng pelaburan swasta dalam sektor pengeluaran makanan.

MAHA 2002 bukan sahaja memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan hasil dan kelengkapan pertanian dari Malaysia tetapi juga dari 20 negara luar yang turut serta.

"Negara-negara luar seperti Belgium, Brazil, Denmark, Mesir, Jerman, United Kingdom dan Itali akan mempamerkan pelbagai kelengkapan pertanian yang digunakan di negara masing-masing dan diharapkan ia akan dapat dijadikan ukuran prestasi yang telah kita capai," katanya.

Pameran yang akan diadakan di The Mines itu, diadakan bersama-sama dengan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPK) untuk membolehkan mereka yang terlibat dalam sektor itu bertukar-tukar pendapat dan pengalaman masing-masing selain menambah pendapatan.

"Pameran yang bertemakan 'Transformasi Pertanian Melalui Teknologi' ini turut memaparkan pameran pertanian yang terbesar di Asia iaitu mempunyai 700 buah gerai oleh 350 syarikat dari pelbagai negara, kementerian dan jabatan," katanya.

"Inilah masa yang paling tepat untuk mempamerkan produk dan peralatan masing-masing dan bagi memastikan matlamat ini berjaya seramai 1,000 orang peladang di seluruh negara akan dibawa ke pameran itu setiap hari," katanya.

Bersempena dengan MAHA 2002 juga, satu persidangan mengenai agroteknologi turut diadakan dan dihadiri pakar pertanian seperti Prof W. Paul Davies dan Dr HA Kuiper dari UK dan Prof German Spangenberg dari Australia.

Aktiviti sepanjang pameran itu berlangsung termasuklah Konvensyen Peladang, Penternak dan Petani, pavilion rumah hijau, pameran ternakan hidup, Medan Selera Antarabangsa dan pameran produk dan industri pertanian baru.

Abi Musa juga berkata program peningkatan ekonomi nelayan akan menjadi agenda utama Kementerian Pertanian bagi membolehkan mereka meningkat maju sepertimana penternak dan peladang.

"Memanglah kalau dilihat nelayan ini tidak maju seperti penternak dan petani tetapi ia boleh diubah... termasuklah dengan melatih mereka menternak ikan air tawar," katanya.

Katanya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan sedang berusaha untuk menggembelng mereka dengan cara-cara mendapatkan sumber pendapatan dengan pendekatan baru, menubuhkan dana nelayan dan mengadakan pelbagai latihan penangkapan cara baru.

-- BERNAMA

ZMN AHH NMO